

YB lemah tak dipertahan

BH - 1/7/2007.

Oleh Mohd Roji Abdullah

KLUANG: Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein memberi amaran bahawa pergerakan itu tidak akan mempertahankan ahlinya yang gagal menjalankan tugas sebagai wakil rakyat.

Beliau berkata, pengekalan mereka yang gagal bertugas dengan baik sebagai wakil rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-12 hanya menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) untuk memenangi kerusi ditandingi.

“Mana yang kita boleh pertahankan, kita pertahankan. Tetapi mereka tidak buat kerja, saya beri amaran awal-awal jangan harap Pemuda Umno dan BN mempertahankan sesuatu yang tidak boleh dipertahankan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Bahagian Sembrong di sini, semalam.

Hishammuddin, yang juga Menteri Pelajaran berkata, hanya kerana wakil rakyat itu ketua dan mewakili Pemuda Umno, ia tidak bermakna mereka menjadi wakil rakyat selama-lamanya.

“Mana-mana yang gagal, kita akan gantikan dengan calon yang lain,” katanya.

Sambil menyatakan setakat ini beliau berpuas hati dengan prestasi wakil rakyat daripada Pemuda Umno, Hishammuddin berkata, beliau dan pucuk pimpinan tertinggi parti mempunyai saluran tertentu untuk menilai prestasi wakil rakyat.

“Tetapi saya terkilan kerana ada antara mereka (anggota Pemuda Umno) apabila dilantik menjadi wakil rakyat dan menjadi Yang Berhormat, mereka lupa asal usul bahawa mereka wakil kepada Umno, MCA dan MIC,” katanya.

Mengenai bilangan kerusi ditandingi Pemuda Umno pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata, pergerakan itu tidak meminta tambahan kerusi kerana berpuas hati dengan bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen yang dipegang sekarang.

“Adalah tidak adil jika setiap kali pilihan raya umum kita meminta tambahan kerusi kerana jumlah kerusi tidak banyak,” katanya.

Pemuda memegang 52 kerusi DUN dan Parlimen pada Pilihan Raya Umum 2004, yang terbanyak diperolehi dalam sejarah pergerakan itu.